

# BORANG PENGISYIHKARAN UNTUK PERMOHONAN PENDAFTARAN SYARIKAT/FIRMA PERUNDING DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

## 1. Saya/ Kami **BERSETUJU**:

- (a) sentiasa mematuhi apa-apa syarat pendaftaran/ mana-mana peraturan Kerajaan dan Garis Panduan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang sedang berkuasa apabila mengemukakan apa-apa permohonan berkaitan pendaftaran akaun MoF/ sepanjang berdaftar dengan MoF.
- (b) mengemukakan sebarang dokumen dan maklumat yang diperlukan oleh MoF bagi tujuan pendaftaran/semanakan di peringkat MoF.
- (c) tidak membuat sebarang perubahan ke atas Pemilik dan Lembaga Pengarah/Pengarah/personel pengurusan/pekerja dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh didaftarkan bagi permohonan baharu (KN & JN).
- (d) semua permohonan hendaklah diisyiharkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh penciptaan permohonan. Jika permohonan tidak diisyiharkan dalam tempoh tersebut, permohonan pendaftaran akan terbatalkan secara automatik.
- (e) tidak boleh menambah kod bidang yang dibatalkan selama tempoh satu (1) tahun.
- (f) tidak akan membuat sebarang pakatan dengan mana-mana pihak bagi tujuan menyertai sebarang perolehan Kerajaan.
- (g) MoF berhak membatalkan pendaftaran syarikat, senaraihitamkan pemilik/pengarah dan pemegang saham syarikat atau menggantung/membatalkan kod bidang syarikat serta-merta sekiranya saya/kami mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen yang didapati tidak tepat, palsu, dan sebagainya atau terlibat dengan mana-mana perbuatan jenayah yang telah disabitkan di Mahkamah atau telah dikenakan tindakan tatatertib di bawah Pekeliling Perbendaharaan (PP) Perolehan Kerajaan (PK) 8.
- (h) membenarkan pegawai MoF untuk menyemak dan mengesahkan apa-apa maklumat atau dokumen daripada mana-mana pihak berkaitan dengan permohonan pendaftaran ini atau bagi tujuan semakan aduan berkaitan dengan ketidakpatuhan perolehan Kerajaan di bawah PP PK 8.
- (i) membenarkan wakil MoF untuk memasuki pada bila-bila masa tanpa sebarang notis bagi membuat lawatan pemeriksaan dan pengesahan ke premis syarikat dan sekiranya perlu bagi tujuan pendaftaran atau bagi tujuan semakan aduan berkaitan dengan ketidakpatuhan perolehan Kerajaan di bawah PP PK 8.
- (j) Kerajaan Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian setelah berdaftar dengan MoF dan/atau penggunaan mana-mana maklumat yang diperolehi dari laman web [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my).
- (k) sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan Kerajaan merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya/kami sebagai sogokan berkaitan perolehan Kerajaan, maka saya/kami berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.
- (l) hanya personel yang diberi kuasa secara bertulis oleh syarikat dan dinamakan dalam Sijil Akuan Pendaftaran sahaja dibenarkan untuk berurusani bagi pihak syarikat dalam perolehan Kerajaan atau pendaftaran akaun MoF syarikat.
- (m) kod Bidang/ taraf bumiputera dibatalkan sekiranya tidak mematuhi syarat pendaftaran.
- (n) bertanggungjawab untuk mengemas kini maklumat syarikat yang telah didaftarkan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam tempoh **dua puluh satu (21) hari** dari tarikh perubahan tersebut berlaku. Sekiranya gagal, MoF boleh membatalkan pendaftaran atau mengambil lain-lain tindakan.

## 2. Saya/ Kami mengaku:

- (a) bahawa segala maklumat dan dokumen sokongan yang diberikan bagi permohonan ini adalah **BENAR**;
- (b) bahawa Syarikat/Pemilik/Pengarah/Pengurusan Syarikat/Personel yang diberi kuasa **BEBAS** dari sebarang tindakan tatatertib di bawah PP PK 8, bankrap atau sebarang sabitan jenayah di Mahkamah.
- (c) bahawa tidak mempunyai Pemilik, Pengarah, Pengurus dan Pekerja dalam mana-mana syarikat/firma perunding yang berdaftar dengan MoF dalam kod bidang yang sama

Tandatangan

:

\_\_\_\_\_

Cop Rasmi  
Syarikat/  
Firma  
Perunding

\*Nama Pemohon

:

\_\_\_\_\_

No. MyKad/Pasport

:

\_\_\_\_\_

Jawatan

:

\_\_\_\_\_

Nama Syarikat/Firma Perunding

:

\_\_\_\_\_

Tarikh

:

\_\_\_\_\_

**\* Nota: Hanya boleh ditandatangani oleh Pemilik/Pengarah/Pengurusan Syarikat/Personel yang diberi kuasa dalam sistem ePerolehan sahaja.**  
Kemaskini Mac 2025